

# Qalam

KDN 1275

Bilangan 184	–	60	sen
Rajab 1385	–	November	1965

## Undang-undang Hukum Islam Di Singapura

Setelah Singapura berkerajaan sendiri maka diumumkan bahawa kerajaan Singapura mengisyiharkan kebebasan beragama bagi penduduk-penduduknya dan Perdana Menteri Singapura di dalam satu perjumpaannya dengan pertubuhan-pertubuhan agama di Singapura baru-baru ini telah menyatakan bahawa janganlah ada sesuatu yang timbul yang boleh menunjukkan kerajaan Singapura ada melakukan penindasan kepada agama, terutamanya agama Islam di dalam masa kerajaan Singapura membuat hubungan-hubungan baik dengan negara-negara Islam di Afro-Asia.

Isyihar yang semacam ini adalah disyukuri dan inilah yang diharap adanya cara sebuah negara membebaskan rakyatnya memeluk agama masing-masing dan berhubung baik di antara golongan-golongan agama yang dipeluk oleh masing-masing. Untuk mendapatkan yang demikian ini tidak akan sempurna sekiranya tiap-tiap sesuatu yang berkenaan dengan golongan-golongan agama itu tidak dijaga dan dikawal dan tidak pula ada perkara-perkara timbul yang boleh menyakiti sesuatu golongan yang beragama itu terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama masing-masing. Memberi kebebasan beragama kepada masing-masing agama itu hendaklah disempurnakan dengan wajarnya dengan tidak ada dibuat sesuatu peraturan atau sesuatu undang-undang yang boleh menyakiti perasaan umum

pemeluk-pemeluk agama-agama itu kerana kalau dibuat sesuatu perkara yang difikirkan bertentang dengan asas agama itu maka tentunya golongan-golongan agama yang terkena atau yang berkenaan akan tidak reda membuat sesuatu undang-undang kalau di dalamnya mereka mendapat asas-asasnya bertentangan dengan asas-asas yang telah ditetapkan oleh Islam.


Baru-baru ini Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal

Kebajikan Masyarakat A. Othman Wok, tatkala menjawab desakan Tuan Syed Ali Redha Ketua Jabatan Agama UMNO Singapura mengenai Rang Undang-undang Hukum Islam Singapura, telah menyatakan bahawa beliau meminta orang-orang Islam bersabar dalam soal ini kerana rang undang-undang itu akan dihalusi dan akan dikemukakan ke Sidang Parlimen pada penghujung tahun ini.

Pada umumnya mungkin tidak ada seorang Islam pun yang tidak gemar, pada dasarnya, akan adanya undang-undang untuk menyelenggarakan hal ehwal orang-orang Islam dengan menubuhkan suatu majlis agama bagi Singapura, apalagi dengan Singapura telah menjadi sebuah negara tetapi perkara yang patut diperhatikan janganlah hendaknya tajaan undang-undang itu ada menyentuh asas-asas atau dasar agama kerana kalau timbul perkara-perkara yang menyentuh dasar-dasar agama itu sudah tentu orang-orang Islam akan menentangnya dan sebaliknya tentulah kerajaan sendiri tidak gemar dan tidak suka timbul suatu pertentangan dari umat Islam atas sesuatu daripada dasarnya yang ditujukan oleh kerajaan untuk kebaikan masyarakat Islam itu sendiri.

Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal Masyarakat hendaklah mengkaji persoalan ini dengan sedalam-dalamnya dan hendaklah mendapatkan fikiran-fikiran daripada ahlinya supaya tidak terjadi sebagaimana pada masa yang lalu, kerana dikemukakan bukan cukup selidik dan saksama, Rang

*Suatu pemandangan di bandar  
Sialkot yang telah lebur  
dibom oleh kapal terbang-kapal terbang  
yang membabi buta mengebom  
tempat orang-orang awam Islam  
di Pakistan.*



Undang-undang Hukum Islam 1960 dikemukakan kepada Dewan

Dengan tidak ada niat untuk menyentuh kelayakan ahli

Undangan telah ditarik balik untuk disemak semula

Majlis Penasihat Islam di dalam beberapa bahagian, ada

kerana undang-undang itu dibantah oleh umat Islam yang memandang

didapati pertadbiran dan cara majlis itu

bahawa kandungan rang undang-undang itu banyak bertentangan dengan

mempersetujui rang undang-undang itu untuk dikemukakan

dasar syarak Islam.

adalah mempercayakan bahawa kelayakan ahli-ahli Majlis Penasihat

Kerajaan tidak dapat disalahkan di dalam soal ini

Islam itu telah berhak bagi menentukan perkara-perkara yang

kerajaan sendiri, menggantungkan persoalan itu

boleh digunakan di atas nama seluruh umat Islam dan menaja

kepada Lembaga Majlis Penasihat Islam Singapura dan

suatu hukum yang mengenai seluruh umat Islam tidak

Rang Undang-undang Hukum Islam yang dikemukakan itu khabarnya

dapat dipertanggungjawabkan. Kepercayaan kepada tubuh itu

telah “disetujui” oleh Majlis Penasihat Islam

sendiri tidaklah sebegini besar dan malangnya majlis

tetapi alim ulama yang menjadi ahli dalam majlis itu,

itu membelakangkan orang-orang yang di luar dari majlis itu.

pada masa itu, sendiri bersama-sama menyertai himpunan

Sepatutnya apabila terbit suatu perkara yang besar

yang membantah kandungan rang undang-undang yang dikemukakan itu

yang akan mengenai umat Islam maka Majlis Penasihat Islam

dan dengan yang demikian empat tahun lamanya Rang Undang-undang

itu hendaklah melantik suatu jawatankuasa kecil

Hukum Islam 1960 itu tidak dapat dikemukakan ke dalam

sebagai “convener” bagi mengadakan suatu jawatankuasa

Dewan Undangan.

mengkaji undang-undang itu daripada ulama dan cerdik pandai

orang Islam yang di luar majlis itu – bukan majlis itu sendiri menentukan maksud-maksud dan ketetapan rang undang-undang itu bagi dikemukakan kepada Dewan Undangan.

Lebih kurang setahun dahulu rang undang-undang yang telah “disemak semula” telah dikeluarkan dan fikiran-fikiran diminta kepada badan-badan Islam selain daripada Majlis Penasihat Islam dan di antaranya yang menerima tawaran mengkajinya ialah pertubuhan Jamiyah di Singapura. Jamiyah dengan serta-merta melantik suatu jawatankuasa mengkaji Rang Undang-undang Hukum Islam 1960 yang “dipinda semula” itu.

Jawatankuasa yang mengkaji rang undang-undang itu bukan sahaja terdiri dari ahli-ahlinya tetapi juga mengambil orang bukan anggotanya yang terdiri dari beberapa orang ulama yang terkenal, ahli undang-undang dan seumpamanya.

Lebih kurang tujuh bulan, dalam tiap-tiap minggu mereka mengkajinya dan kemudian pada bulan November 1964 mereka telah menyampaikan pindaan-pindaan itu kepada pihak yang berkenaan. Banyak pindaan-pindaan dibuat tetapi walau bagaimanapun pada dasarnya mereka bersetuju adanya rang undang-undang itu selagi asas rang undang-undang itu tidak bertentangan dengan dasar syarak Islam.

Sangat diharap persoalan ini diperhati dengan saksama oleh kementerian-kementerian yang berkenaan, Kementerian Undang-undang dan Kementerian Kebajikan dan Hal Ehwal Masyarakat, supaya jangan nanti rang undang-undang itu boleh menyakiti umat Islam. Apabila umat Islam merasa bahawa di dalam rang undang-undang itu ada perkara-perkara yang bertentangan dengan dasar-dasar syarak Islam, umpamanya di dalam peraturan-peraturan yang dijalankan sekarang mengikut Rang Undang-undang Islam 1957 yang menghendaki tidak boleh seorang suami menceraikan isterinya melainkan dengan persetujuan isteri itu sendiri; pindaan peraturan tidak meluluskan seorang beristeri lebih daripada satu melainkan dengan izin isteri

yang tua dan dibuat kesulitan-kesulitan yang boleh membawa orang-orang Islam melakukan perkara-perkara yang sangat ditegah oleh syarak – semuanya hendaklah dihalusi dengan saksama.

Kementerian-kementerian yang berkenaan wajib mengetahui bahawa umat Islam di Singapura adalah berhajat kepada suatu rang undang-undang untuk mereka tetapi rang undang-undang itu hendaklah jangan menyalahi asas-asas syarak Islam bahkan umat Islam, kita percaya, menghendaki supaya undang-undang syarak itu dikuatkuasakan dengan wajarnya. Umpamanya, kalau seorang suami telah melafazkan talak kepada isterinya dengan lafaz sarif maka talak itu jatuh dengan serta-merta dan diwajibkan yang mentalak itu mendaftarkannya di hadapan kadi. Kerajaan wajiblah menguatkuasakan suatu undang-undang atas tanggungjawab-tanggungjawab suami di atas perceraian itu, tentang nafkah idah, nafkah anak, harta sepencarian dan segala-galanya diselesaikan dan kalau ia enggan hendaklah dikenakan hukuman ke atas yang bertanggungjawab itu. Begitu juga tentang wakaf dan segala-galanya patut diselidiki dengan halus dan saksama dengan tidak merebut hak-hak orang yang berwakaf – begitulah seterusnya yang patut diselidiki kerana undang-undang yang akan dikemukakan itu mungkin belum cukup masak kerana digubal oleh seorang berdua sahaja.

Pengertian seorang berdua, walaupun mereka itu dipandang ahli dalam undang-undang, tidak dapat menentukan keahliannya meliputi di dalam undang-undang Islam terutamanya kalau pendapatnya hanya didasarkan daripada buku-buku bahasa Inggeris yang diterjemahkan daripada bahasa Arab atau seumpamanya. Dengan sebab itu tiap-tiap undang-undang yang muh dibus untuk orang-orang Islam, kalauolah seperti yang telah dikemukakan dalam masa yang lalu, adalah dikhuatiri akan membawa salah sangka umat Islam kepada tujuan baik kerajaan yang menghendaki suatu pertadbiran yang baik untuk umat Islam tetapi menjadi tidak baik